

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

STW231 - Pentadbiran Sosial I

Tarikh: 28 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

---

Jawab SOALAN 1 dan DUA (2) soalan lain.

SOALAN WAJIB

1. (a) Berikan definisi "Pentadbiran".
- (b) Ada pihak yang berpendapat bahawa fungsi pentadbiran adalah generik bagi semua jenis organisasi. Sejauh manakah kenyataan tersebut boleh diterima apabila membuat perbezaan di antara pentadbiran di dalam organisasi perkhidmatan masyarakat dengan organisasi manusia.
- (c) Apakah nilai-nilai istimewa/unik yang terdapat di dalam bidang Kerja Sosial, yang membuat cara kita mentadbir agensi perkhidmatan sosial berbeza dengan agensi-agensi lain.

(40 markah)

SOALAN-SOALAN PILIHAN

2. (a) Berikan definisi Pengurusan Saintifik.
- (b) Jika seseorang pentadbir perkhidmatan masyarakat menggunakan model Pengurusan Saintifik di dalam kerjanya, apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi?
- (c) Birokrasi dikatakan menghadkan keberkesanan pendekatan pentadbiran secara Perhubungan Manusia di dalam sesebuah agensi perkhidmatan sosial. Bincangkan hujah-hujah anda dengan menggunakan contoh.

(30 markah)

(STW 231)

3. (a) Bincangkan 7 fungsi pengurusan yang dikemukakan oleh Lewis & Lewis.
- (b) Berdasarkan fungsi yang disebutkan oleh Lewis & Lewis, apakah tugas utama bagi seseorang pentadbir mengikut pandangan anda?
- c Dengan menggunakan agensi yang telah anda perhatikan, analisis pentadbirannya mengikut fungsi Lewis & Lewis. Adakah ianya diurus dengan baik? Bagaimana keberkesanannya boleh ditingkatkan?

(30 markah)

- (a) Beri definisi dan jelaskan Teori Keperluan Manusia oleh Abraham Maslow.
- (b) Terangkan secara ringkas perhubungan antara keperluan-keperluan, permintaan dan pengeluaran seperti yang dinyatakan oleh Nevitts & Davies di dalam Asas-Asas Pentadbiran Sosial.

(30 markah)

5. (a) Bincangkan konsep Pentadbiran Sosial.
- (b) Bincangkan konsep Sains Sosial.
- (c) Bolehkah Pentadbiran Sosial dianggap sebagai "sains"? Ya atau Tidak - Kenapa?

(30 markah)